



Internet mewujudkan generasi yang celik IT, berdaya saing, dan berpengetahuan tinggi.

Benarkah Internet Pemangkin Keruntuhan Akhlak Remaja?

ALAF ini menyaksikan era perkembangan dan kece-merlangan bidang sains dan teknologi. Perkembangan pesat penciptaan alat-alat komunikasi dan produk terkini khususnya alat komputer menjadi bukti kegemilangan dunia teknologi hari ini. Namun, fokus utama dunia hari ini ialah penggunaan Internet secara meluas yang membuka minda masyarakat dalam mengejar arus kemajuan.

Penggunaan Internet masa kini memberi impak besar kepada generasi muda khususnya remaja. Penggunaannya memberi kesan yang positif dan tidak kurang juga kesan negatif terhadap masyarakat khususnya generasi yang bakal menerajui negara pada masa depan.

Namun benarkah Internet merupakan pemangkin keruntuhan akhlak remaja? Persoalan ini sering bermain pada fikiran masyarakat yang tidak henti-henti menca-ri kupasan mengenai isu ini.

Sumber maklumat

Internet merupakan sumber maklumat berguna kepada masyarakat dan merupakan pembuka lembaran baru dalam urusan seharian. Sekiranya ia memberikan maklumat dan berguna, mengapa Internet dikatakan pemangkin masalah sosial? Malah, ada pendapat mengatakan Internet lebih cenderung kepada perkara negatif, tanpa melihat penggunaan Internet dari sudut yang positif.

Pada luarannya, dakwaan bahawa Internet pemangkin keruntuhan akhlak remaja adalah benar. Namun, pada dasarnya Internet merupakan sumber informasi yang menjurus ke arah positif. Hal ini terbukti apabila Internet menjadikan dunia tanpa sempadan. Bayangkan kini dunia hanya di hujung jari anda. Apa-apa sahaja maklumat yang diingini hanya perlu diklik dan anda akan memperolehnya dengan mudah dan cepat.

Pengguna Internet tidak mengira peringkat usia, semuanya boleh mengakses Internet dengan mudah. Sebagai contoh, anda boleh memperoleh berita mutakhir dan terkini melalui Internet dengan mudah dan tepat. Anda tidak perlu lagi ke kedai untuk membeli surat khabar semata-mata untuk mendapatkan berita. Di Internet, anda mampu memperolehnya dengan pantas malah berita terkini boleh diperoleh setiap detik. Informasi berguna dan tip serta panduan berguna dapat dijadikan wadah santapan minda.

Remaja

Bagi remaja, pelbagai panduan dan nasihat tersedia di ruangan tertentu dan ia ternyata memberi faedah yang besar kepada remaja di samping membentuk imej - remaja cemerlang. Selain itu, Internet juga bahan rujukan terbaik bagi para pelajar khususnya. Hal ini kerana pelbagai nota dan latihan tersedia untuk



Para pelajar boleh menggunakan Internet untuk mendapatkan nota dan menambah maklumat yang diperlukan dalam pelajaran mereka.

digunakan oleh para pelajar, malah setiap nota dan latihan itu telah disediakan dalam bentuk yang lebih efektif dan bersesuaian dengan kehendak pelajar.

Kewujudan perkhidmatan Internet menjadikan tiada lagi erti jarak pemisah, sejauh mana sekalipun hubungan antara satu sama lain dapat dirapatkan. Rangkaian Internet mampu menjalin hubungan global berlainan bangsa dan negara. Hal ini akan merangsang perkembangan minda dan mengelakkan berlakunya kongkongan minda.

Interaksi dengan dunia luar akan meluaskan pemikiran dan pengalaman, selain memudahkan urusan perniagaan, khususnya perniagaan di peringkat global. Namun mengapakah Internet masih dilihat sebagai pemangkin keruntuhan akhlak remaja?

Tanggungjawab

Di sebalik pelbagai kebaikan Internet, masih terdapat pengaruh negatif yang tidak dapat dinafikan. Namun, segala pengaruh negatif ini berpunca daripada individu yang tidak bertanggungjawab. Mereka menyebarkan bahan negatif yang mampu merangsang keruntuhan moral. Oleh sebab itu, tidak hairanlah Internet dilihat sebagai perkara negatif.

Pengguna yang menyalahgunakan kepakaran mereka merupakan golongan yang hanya mementingkan diri sendiri. Mereka menggunakan kebolehan diri ke jalan yang salah ini semata-mata ingin mengaut keuntungan. Malah, kebolehan tersebut digunakan untuk keseronokan semata-mata apabila mereka mencipta pelbagai laman web, ilustrasi, dan animasi

yang berbau lucah.

Tidak kurang juga yang menggunakan kepakaran bagi mencungkil rahsia sesuatu organisasi dengan cara menggodam laman web rasmi organisasi tersebut. Perkara ini secara tidak langsung mengheret Internet sebagai punca permasalahan sosial.

Generasi muda kebanyakannya tidak menggunakan akal dan kebolehan mereka sebaik mungkin menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gejala negatif. Pengaruh rakan, kurang didikan moral, dan keinginan mengecap “keseronokan nakal” ini antara sebab Internet dikatakan pengaruh negatif terhadap masyarakat khususnya remaja.

Internet pada hakikatnya merupakan bahan berfaedah. Sikap sesetengah individu yang menyebabkan Internet lebih cenderung ke arah negatif. Tanpa tanggungjawab dan kesedaran untuk memastikan Internet digunakan ke saluran yang betul, maka Internet akan tetap dikatakan pengheret masalah remaja.

Internet pada hakikatnya merupakan bahan berfaedah. Sikap sesetengah individu yang menyebabkan Internet lebih cenderung ke arah negatif. Tanpa tanggungjawab dan kesedaran memastikan Internet digunakan ke saluran yang betul, maka Internet akan tetap dikatakan pengheret masalah remaja.

Internet bukanlah pemangkin keruntuhan akhlak remaja sebaliknya mewujudkan generasi celik IT, berdaya saing, dan berpengetahuan tinggi. Maka, tanyalah pada diri anda adakah Internet pemangkin generasi berilmu atau pemangkin keruntuhan akhlak?